

Bantu mualaf hayati pelbagai ilmu Islam



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Ehwah Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Nasyid dan Lagu-lagu Dakwah (kiri). Sementara gambar kanan tetamu kehormat menyaksikan pameran buku-buku ilmiah dan lain-lain lagi.



pemenang Pertandingan Nasyid dan Lagu-lagu Dakwah dan juga sijil penyertaan kepada para peserta pameran, jawatankuasa dan sukarelawan.

Antara pengisian program pada hari kedua termasuklah ceramah bertajuk Harmonious Community in Islamic Perspective yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Ahmed Fadhel Yousef.

Selain pameran dan petak jualan, aktiviti luar untuk orang ramai turut disediakan seperti aktiviti menunggang kuda dan memanah di samping aktiviti bagi kanak-kanak seperti bersiwak, aktiviti sains, seni dan kraf tangan.

Program scumpama ini diharap dapat memberikan kesedaran mengenai Islam kepada para mualaf, khususnya dan orang ramai amnya, selain diharap dapat membantu para mualaf menimba ilmu dan menerima ajaran Islam yang betul serta menjadikan mereka lebih menghayati ajaran Islam, untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Turut hadir, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Pengarah Hal Ehwah Masjid, Awang Haji Amir Hishyam bin Haji Masri; Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah dan pegawai-pegawai kanan KHEU.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Oktober. - Program 'Ilm Weekend (IWE)' 1440 Hijrah anjuran Program Keugamaan Belia di bawah Kementerian

Ehwah Ugama (KHEU) dengan kerjasama Belia Muallaf As-Syahadah berakhir dengan Majlis Penutup. Hadir selaku tetamu kehormat,

Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff.

Majlis didahului dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Di-Pertua Belia Muallaf As-Syahadah, Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut diikuti dengan Tayangan Video Penutup.

Majlis diserikan dengan persembahan daripada Firqah Arroja, Juara Nasyid dan Lagu-lagu Dakwah yang merupakan salah satu acara sampingan Program 'Ilm Weekend 1440 / 2018.

Tetamu kehormat majlis seterusnya berkesediaan menyampaikan hadiah kepada

1,373 kes tidak gunakan tali pinggang keledar pada 2017

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Oktober. - Majlis Kcbngsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) menyeru pemandu dan penumpang termasuk penumpang di tempat duduk belakang untuk menggunakan tali pinggang keledar serta penumpang kanak-kanak untuk menggunakan tempat duduk kanak-kanak (*baby car seat*) semasa memandu di jalan raya, walaupun semasa membuat perjalanan dekat.

Seruan tersebut ditekan oleh Pengerusi Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (BITA), Awang Haji Osman bin Haji Mohd. Jair selaku Ambassador MKKJR semasa acara Bandarku Ceria di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Menurut Awang Haji Osman, daripada operasi-operasi dan pemantauan yang dibuat serta maklumat yang diterima daripada orang ramai, masih terdapat pemandu dan penumpang yang 'tidak menggunakan tali pinggang keledar' semasa memandu.

Beliau menjelaskan bahawa dari Januari hingga 29 September 2018, enam nyawa terkorban apabila didapati sama ada pemandu atau penumpang yang terkorban tidak menggunakan tali pinggang keledar semasa kejadian berlaku dan ia adalah satu perkara yang amat membimbangkan.

Ke muka 23



KEMPEN pembaringan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) di Program Bandarku Ceria turut memaparkan demonstrasi Seat Belt Convincer dan lain-lain lagi.

Program IWE kongsi ilmu Islam



Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Oktober. - Program 'Ilm Weekend (IWE)' Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada para mualaf dan bukan Islam yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut lagi mengenai agama Islam.

Program Keugamaan Belia selama dua hari yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (PDI) itu antara lain juga bertujuan untuk menjadi pusat perhentian dalam mempelajari Islam secara teori mahupun praktikal.

Perasmian program anjuran Kementerian Hal Ehwah Ugama (KHEU) dengan kerjasama Belia Muallaf As-Syahadah itu disempurnakan oleh Timbalan

Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang selaku tetamu kehormat.

Turut hadir Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar; dan pegawai-pegawai kanan KHEU.

Naib Yang Di-Pertua Belia Muallaf As-Syahadah, Dayang Norfadhliah binti Haji Yunos ketika menyampaikan ucapan alu-aluan berkata, antara objektif program berkenaan adalah bagi mengongsikan ilmu melalui sesi ceramah dan forum yang dianjurkan.

Di samping itu jelasnya, ia

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang ketika menyaksikan pameran Program Keugamaan Belia di Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

adalah bagi menggalakkan perkongsian ilmu dan budaya membaca melalui kempen memdema buku-buku Islam daripada orang awam terutama kepada para mualaf yang berminat.

"Alhamdulillah, untuk Program IWE 1440 ini, terdapat 11 organisasi yang ikut serta untuk membuat pameran terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pendidikan tinggi dan kumpulan-kumpulan belia di bawah Program Keugamaan Belia," katanya.

Majlis juga diisi dengan Ceramah Perdana bertajuk 'Ilmu dan Islam yang disampaikan Pemangku Raes Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Beliau dalam ceramahnya antara lain menceritakan perkembangan ilmu semenjak bermulanya tamadun peradaban untuk kebaikan manusia dan mencernakan kepentingan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah melalui Al-Quran dan hadis itu kepada umat manusia di dunia dan juga di akhirat.

Hari pertama program itu turut diisi dengan forum 'Masyarakat Harmoni' dalam Perspektif Islam' disampaikan oleh Pengarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Jailli dan juga Guru Ugama Terlatih PDI, Awang Kamal Leang bin Abdullah dalam bahasa Mandarin.